

11/10/1999

Fitnah lebih dahsyat daripada membunuh

Tok Siak

ASSALAMUALAIKUM. Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Syukur kita semua ke hadrat Allah SWT kerana berkat rahmat dan hidayah-Nya kita dapat bertemu lagi hari ini. Kita berdoa kepada Allah semoga minggu ini kita dapat lagi berbakti kepada-Nya dengan melakukan perbuatan kebajikan bagi mensejahterakan bumi ini. Selawat dan salam kepada junjungan nabi Muhammad SAW, keluarga, sahabat dan pengikut setianya.

Malam tadi Imam Muda yang membuka kitab. Tetapi sebagaimana pada minggu lalu, Imam Muda malam tadi pun menyentuh mengenai perkara berkaitan kehidupan harian kita.

Tok Siak fikir memang amat wajar sekali Imam Muda menerangkan banyak perkara yang berhubung dengan kehidupan harian kita kerana kehidupan harian kita itu pada hakikatnya adalah gambaran kita yang sebenarnya.

Kata Imam Muda, fitnah, pembohongan, adu domba dan yang seumpama adalah perbuatan yang sangat dikutuk Allah SWT. Pada awal-awal Tok Siak muncul dalam ruangan ini dulu pun, itulah yang Tok Guru, Tok Imam ajarkan dengan bukti hadis dan al-Quran.

Semalam kata Imam Muda, Perdana Menteri Malaysia yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di Kuala Lumpur berkata akan mengadakan `kempen secara besar-besaran memerangi fitnah dan pembohongan.'

Kata Imam Muda, kempen itu amat bertepatan sekali dengan bahaya yang dibawa fitnah.

Kata Imam Muda lagi, pada minggu lalu dia menyebutkan mengenai cara Umno menyebarkan Islam - sama ada ad-dinkah, syiarkah, cara hidupkah, tidak kiralah. Yang penting pokoknya, iaitu Islam tersebar.

Dalam hal ini, kata Imam Muda, tidak banyak orang melihat bahawa apabila Mahathir menganjurkan kempen itu menunjukkan dengan jelas sikap Mahathir terhadap Islam. Dia tidak bercakap saja. Dia buat.

Perkara ini sangat penting dan oleh itu setiap orang, setiap rakyat Malaysia, tidak kira siapa pun mereka, Islam mahupun tidak, mestilah ikut sama memerangi anjuran ini.

Bukhari dan Muslim meriwayatkan sebuah hadis nabi SAW (maksudnya): Janganlah kamu saling mendengki, saling membenci, saling menjerumuskan, saling belakang membelakangi dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain serta jadilah kamu hamba-hamba Allah yang bersaudara.

Ibnu Abid Dunya dan Ibnu Habibah meriwayatkan sebuah hadis nabi SAW (maksudnya): Jauhilah mengumpat! Sesungguhnya mengumpat itu lebih berat daripada zina. Sesungguhnya kadang-kadang seseorang berzina dan bertaubat, lalu Allah Yang Maha Suci menerima taubatnya. Dan sesungguhnya pengumpat tidak akan diampunkan dosanya sehingga ia diampuni oleh temannya (yang diumpat).

Kata Imam Muda, pemfitnah adalah mengadakan keburukan dan membentangkan kekurangan orang lain, menokok tambah keaiban dan kelemahan orang dan memalsukan kebaikan sehingga menjadi keburukan. Perbuatan sedemikian semuanya adalah fitnah.

Dalam zaman moden dan serba canggih ini ada pelbagai cara orang melakukan fitnah. Ia boleh berlaku dalam bentuk lisan, disebarkan dari mulut ke mulut, dari seorang kepada seorang yang lain. Juga boleh terjadi dalam bentuk tulisan, dalam pelbagai bentuk surat layang dan surat

beracun. Ia boleh berlaku dalam media cetak mahupun dalam media elektronik.

Apa pun kalau diukur dalam hal mengenai kerosakan budi, fitnah duduk pada tangga teratas. Allah SWT melarang keras perbuatan ini melalui firman-Nya (maksudnya): Kecelakaan besar (Neraka Wel) bagi tiap-tiap pencaci dan pengeji (pengumpat dan pemfitnah). (al-Humazah: 1).

Akibat daripada fitnah lebih besar daripada semua jenis kerosakan dalam budi manusia. Ia malah lebih dahsyat daripada membunuh.

Kata Imam Muda, membunuh hanya melibatkan orang tertentu dan berakhir pada waktu tertentu. Fitnah lebih dahsyat daripada itu! Ia boleh menimbulkan huru-hara, kemusnahan harta dan nyawa dalam jangka masa panjang dan sukar untuk dihentikan. Oleh itu Allah SWT melarang keras perbuatan terkutuk ini dengan menyatakan bahawa yang melakukan hal itu akan ditempatkan di Neraka wel.

(END)